

06 MAR 2002

Adnan-Pilihan raya

SURAT RASMI KEKOSONGAN KERUSI KETARI DIHANTAR

BENTONG, 6 Feb (Bernama) -- Surat rasmi memaklumkan kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari telah di hantar kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) di Kuala Lumpur pagi ini, kata Menteri Besar Datuk Adnan Yaakob.

Menurutnya surat tersebut telah dihantar oleh Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pahang Datuk Wan Razali Wan Mahussin pagi tadi.

"Surat tersebut telah dihantar ke SPR Kuala Lumpur melalui fax dan saya telah menerima salinan surat tersebut," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini hari ini.

Adnan berkata kini terpulanglah kepada SPR untuk menetapkan tarikh yang sesuai untuk mengadakan pilihan raya kecil itu.

Kerusi DUN Ketari itu kosong selepas penyandangannya, Datuk Loke Koon Kam meninggal dunia Ahad lepas kerana barah rahang.

Adnan yang turut ditanya mengenai kemungkinan Keadilan dan DAP akan bertanding pada pilihan raya kecil itu berkata beliau mengalu-alukannya.

Malah, katanya PAS juga dialu-alukan untuk meletakkan calon mereka.

"Lebih ramai, lebih baik, kerana ianya akan menunjukkan proses demokrasi berjalan di negara ini," katanya.

Ketika diminta mengulas mengenai cadangan Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik supaya Adnan mengetuai jentera pilihan raya Barisan Nasional, Adnan berkata beliau akan menjalankan tugas itu jika di lantik.

"Saya hanya terima tanggungjawab dan jalankan tugas jika Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan saya memegang jawatan itu," katanya.

Bagaimanapun Adnan berkata siapa yang memegang jawatan itu tidak penting, tetapi yang penting ialah kerjasama yang diberikan oleh semua parti komponen Barisan Nasional.

-- BERNAMA

HIS LAT